



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (03 JUN 2021)

1. LAPORAN HARIAN

A. Kes Baharu COVID-19.

Sarawak mencatatkan **594 kes baharu** COVID-19 hari ini. Sejumlah **362 atau 60.94 peratus** daripada jumlah kes ini telah dikesan di **Daerah Kuching, Miri, Sarikei dan Bintulu.**

Daerah-daerah yang merekodkan kes pada hari ini ialah Daerah Kuching (136), Miri (99), Sarikei (66), Bintulu (61), Sri Aman (48), Sibu (38), Dalat (32), Subis (20), Tatau (14), Kapit (13), Samarahan (13), Saratok (10), Serian (8), Kabong (7), Selangau (6), Bau (5), Pakan (4), Mukah (3), Julau (2), Limbang (2), Pusa (1), Kanowit (1), Bukit Mabong (1), Beluru (1), Betong (1), Lawas (1) dan Marudi (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes **meningkat kepada 49,214.**

Daripada 594 kes baharu yang dilaporkan, seramai 49 orang telah menunjukkan tanda dan mengalami gejala jangkitan COVID-19 semasa saringan dijalankan.

Manakala, seramai 472 orang kes atau yang dikesan adalah terdiri daripada individu yang telah diberikan arahan perintah kuarantin. Secara ringkas kes-kes ini terdiri daripada;

- **367 kes** merupakan saringan individu yang mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19 (16 kes bergejala);
- **102 kes** merupakan saringan individu dalam kluster aktif sedia ada (1 kes bergejala);
- **91 kes** merupakan lain-lain saringan di fasiliti kesihatan (kes tidak bergejala);
- **31 kes** merupakan saringan individu bergejala di fasiliti kesihatan;
- **3 kes** melibatkan individu yang balik dari negeri-negeri lain di dalam Malaysia (Import B) (1 kes bergejala).

B. Kes Kematian Covid-19 Baharu.

Hari ini terdapat **enam (6) kes** kematian baharu melibatkan jangkitan COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kematian akibat jangkitan COVID-19 telah meningkat kepada seramai **311 orang**.

I. Kes Kematian Ke-306.

Kes kematian ke-306 adalah kes ke-47,531 melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 66 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Kapit kerana mengalami kesesakan pernafasan. Kes mulai mengalami gejala batuk, kelesuan badan dan kesukaran pernafasan sejak dua (2) hari yang lalu. Swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan RT-PCR dan Rapid Test Kit Antigen pada 30 Mei 2021 disahkan positif. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 31 Mei 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit kanser darah, penyakit jantung dan penyakit darah tinggi.

II. Kes Kematian Ke-307.

Kes kematian ke-307 adalah kes ke-40,079 melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 60 tahun yang telah dirujuk ke Hospital Sibu dari sebuah hospital swasta apabila swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan Rapid Test Kit Antigen pada 18 Mei 2021 adalah positif. Kes didapati mulai mengalami gejala batuk, dan kesukaran pernafasan sejak tiga (3) hari yang lalu. Swab di Hospital Sibu bagi ujian saringan COVID-19 dengan RT-PCR pada 08 Mei 2021 disahkan positif. Kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 02 Jun 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit darah tinggi, kencing manis dan *dyslipidemia*.

III. Kes Kematian Ke-308.

Kes kematian ke-308 adalah kes ke-45,578 melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 44 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Sarikei kerana mengalami kesesakan pernafasan. Swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan Rapid Molecular pada 28 Mei 2021 disahkan positif. Kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 02 Jun 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit kencing manis.

IV. Kes Kematian Ke-309.

Kes kematian ke-309 adalah kes ke-47,220 melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 62 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Sibu kerana mengalami kesesakan pernafasan. Kes didapati mulai mengalami gejala batuk dan demam sejak empat (4) hari yang lalu. Simptom bertambah teruk dimana kes mulai mengalami kesukaran pernafasan dan cepat letih semasa melaksanakan kehidupan harian dua (2) hari kemudian. Swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan RT-PCR dan Rapid Test Kit Antigen pada 30 Mei 2021 disahkan positif. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 03 Jun 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit darah tinggi, dislipidemia dan penyakit jantung.

V. Kes Kematian Ke-310.

Kes kematian ke-310 adalah kes ke-48,468 melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 65 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Sarikei kerana kelesuan badan. Kes mulai mengalami gejala demam dan hilang selera makan sejak seminggu yang lalu. Swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan RT-PCR dan rapid test kit antigen pada 31 Mei 2021 disahkan positif. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 03 Jun 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit darah tinggi, kencing manis, penyakit buah pinggang kronik.

VI. Kes Kematian Ke-311.

Kes kematian ke-311 adalah kes ke-45,997 melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 68 tahun yang telah mendapat rawatan di Hospital Miri kerana mengalami kesesakan pernafasan. Kes mulai mengalami gejala selsema dan sakit tekak sejak tiga (3) hari yang lalu. Swab bagi saringan COVID-19 dengan Rapid Molecular Test pada 29 Mei 2021 disahkan positif. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 03 Jun 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit *dyslipidemia*.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ucapan Takziah kepada semua ahli keluarga mangsa.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di PKRC.

Hari ini terdapat **610** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini iaitu:

- **211 kes** dari Hospital Umum Sarawak dan PKRC di bawah Hospital Umum;
- **112 kes** dari Hospital Sibu dan PKRC di di bawah Hospital Sibu;
- **90 kes** dari Hospital Miri dan PKRC di bawah Hospital Miri;
- **74 kes** dari Hospital Bintulu dan PKRC di bawah Hospital Bintulu;
- **29 kes** dari PKRC Mukah;
- **28 kes** dari Hospital Sarikei dan PKRC di bawah Hospital Sarikei;
- **23 kes** dari Hospital Kapit dan PKRC di bawah Hospital Kapit;
- **18 kes** dari PKRC Serian;
- **10 kes** dari Hospital dan PKRC Sri Aman;
- **8 kes** dari PKRC Betong; dan
- **7 kes** dari PKRC Lawas.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **40,365** orang atau **82.02%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes aktif yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di PKRC dan wad hospital mengikut hospital rujukan adalah seramai **8,427** orang.

Manakala, **594 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Kluster Baharu [Satu (1) Kluster Baharu].

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan **satu (1)** kluster baharu iaitu Kluster Sungai Selangan, Sarikei. Ringkasan kluster tersebut adalah seperti berikut:

I. Kluster Sungai Selangan, Sarikei.

Kluster Sungai Selangan merupakan satu kluster komuniti yang dikesan di sebuah rumah panjang di kawasan Sungai Selangan dalam daerah Sarikei, Sarawak yang berlaku hasil pergaulan sosial dalam kalangan penduduk di rumah panjang tersebut. Sejumlah 286 individu telah disaring di mana:

- 101 kes telah dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks; dan
- 185 kes didapati negatif.

Kesemua kes positif COVID-19 ini telah dirujuk ke Hospital Sarikei dan dimasukkan ke Hospital Sarikei dan PKRC di Daerah Sarikei bagi tujuan pengasingan dan rawatan lanjut. Rumah panjang tersebut juga telah diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sejak 26 Mei 2021 hingga 11 Jun 2021.

E. Kluster Tamat [Empat (4) Kluster Tamat].

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan **empat (4)** kluster tamat setelah tiada kes baharu dikesan atau dilaporkan dalam tempoh 28 hari melibatkan kluster-kluster ini. Senarai kluster-kluster tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kluster Jalan Bambangan, Mukah
- ii. Kluster Kampung Tengah Betong, Betong
- iii. Kluster Jalan Roban Lama, Saratok
- iv. Kluster Kemas, Kuching.

F. Kluster Yang Masih Aktif.

Jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak **78 kluster**. Sebanyak tujuh (7) kluster telah merekodkan 102 penambahan kes baharu manakala 71 kluster tidak merekodkan penambahan kes.

G. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini **daerah Dalat dan Saratok telah bertukar ke status Merah** setelah merekodkan lebih daripada 40 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah berstatus Merah telah meningkat kepada 30 daerah.

Daerah Sebauh pula kembali ke status Jingga daripada status Merah selepas merekodkan sejumlah 39 kes kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Jumlah daerah berstatus Jingga menurun kepada tiga (3) daerah.

Daerah Lawas telah kembali ke status Kuning daripada status Jingga selepas merekodkan sejumlah 12 kes kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Jumlah daerah berstatus Kuning sebanyak enam (6) daerah. Manakala, satu (1) daerah kekal berstatus Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **53 kompaun** di daerah Kuching (30), Sarikei (4), Sibu (3), Saratok (3), Simunjan (3), Serian (3), Bintulu (2), Miri (2), Padawan (2) dan Kapit (1) kerana telah melanggar SOP seperti berikut:

- i. Keluar tanpa alasan yang munasabah (25)
- ii. Berhimpun di tempat awam (7)
- iii. Membawa penumpang melebihi had yang dibenarkan (6)
- iv. Membuka premis yang tidak dibenarkan (4)
- v. Tidak memakai pelitup muka (3)
- vi. Berada di tempat awam melebihi masa (2)
- vii. Rentas daerah tanpa surat kebenaran PDRM (2)
- viii. Tidak mendaftar sebelum masuk premis (2)
- ix. Premis beroperasi melebihi masa yang ditetapkan (2)

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kompaun yang telah dikeluarkan sejak 18 Mac 2020 hingga hari ini sebanyak **7,098 kompaun.**

Manakala, pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak pula telah mengeluarkan **sembilan (9) kompaun** di bawah seliaan MP Kota Samarahan (4), BDA (2), MD Serian (1), MP Sibu (1) dan MD Meradong & Julau (1) atas kesalahan pelanggaran SOP seperti berikut:

- i. Tidak mengemaskini buku daftar/Buku daftar tidak lengkap (3)
- ii. Tidak mengimbas MySejahtera (3)
- iii. Tidak menggunakan pelitup muka (1)
- iv. Membawa penumpang melebihi had yang dibenarkan (1)
- v. Dobi layan diri gagal memastikan pelanggan mematuhi SOP (1)

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kompaun yang telah dikeluarkan oleh PBT sejak 01 Februari 2021 hingga hari ini adalah sebanyak **858 kompaun.**

3. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah membuat keputusan berikut:

A. Pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bagi:

- i. PKPD Rh. Jerry Lai Kampung Siga, Sri Aman (02 hingga 15 Jun 2021)
- ii. PKPD Kampung Jaie, Asajaya (03 hingga 16 Jun 2021)
- iii. PKPD Kampung Empila, Samarahan (04 hingga 17 Jun 2021)
- iv. PKPD Rh. Sigah anak Lak Sg Baoh Burak, Dalat (05 hingga 18 Jun 2021)

B. Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bagi:

- i. PKPD Rh. Ajing Selepong Lop, Sri Aman (02 hingga 15 Jun 2021)
- ii. PKPD Rh. Aji Sungai Ban, Sri Aman (02 hingga 15 Jun 2021)
- iii. PKPD Rh. Keli, Sg Minus, Sarikei (07 hingga 10 2021)

C. Penamatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bagi:

- i. Rh. Keli, Sg Minus, Sarikei (03 Jun 2021)
- ii. Rh. Benet Jumat anak Ujan (03 Jun 2021)
- iii. Kampung Boyan, Kuching (03 Jun 2021)
- iv. Rh. Ribun, Sg. Klampai, Saratok (03 Jun 2021)
- v. Rh. Joseph anak Rungkai, Batu 8, Jalan Maskat, Labang, Sebauh (03 Jun 2021)
- vi. Rh. Lipa, Sg Sepayang, Bintangor, Meradong (04 Jun 2021)
- vii. Rh. Rihya, Jagoi Lama, Pakan (05 Jun 2021)
- viii. Rh. Saba, Ulu Nunggang, Pakan (05 Jun 2021)

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
03 JUN 2021
5.00 PETANG**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cumm. Positive Cases	48,620	ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	8,427	17.12%
New Cases	594	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	90	0.18%
Total Samples by Individu	878,709	Intubated Cases	34	0.07%
Cumm. Positive Cases	49,214	Total COVID-19 Death Cases	311	0.63%
IR per 100,000 population	1,595.32	Total Non-COVID-19 Death Cases	105	0.21%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Recovered and discharged cases	40,365 82.02%
Negative	0	13,186	Patient Under Investigation (PUI)	New
PUI Pending Result	0	0		594
				62,400

Current Status	SGH Kuching	Hospital & PKRC Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Limbang	Hospital Sarikei	Hospital & PKRC Kapit	PKRC Belong	PKRC Mukah	PKRC Serian	PKRC Lawas	PKRC Di Semuja	Hospital Sri Aman	PKRC Penjara Sri Aman	PKRC Sipitang, Sabah	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	2,078	1,209	1,425	1,683	11	420	756	172	225	112	25	0	311	0	0	0	8,427
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	19	38	12	8	0	7	6	0	0	0	0	0	0	0	0	0	90
Intubated cases	5	19	3	5	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	34
Total COVID-19 Death Cases	40	126	50	37	0	22	26	2	3	1	0	0	4	0	0	0	311
Total Non-COVID-19 Death Cases	19	29	15	21	0	3	11	4	1	0	0	2	0	0	0	0	105
Recovered and discharged cases	New	211	112	74	90	0	28	23	8	29	18	7	0	10	0	0	610
	Cummulative	6,061	11,621	6,071	5,951	60	2,725	3,387	1,064	1,350	766	24	426	509	346	1	3
Total re-admission cases (Re-tested Positive)	9	9	3	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED	3	4	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)	8,194	12,976	7,556	7,695	71	3,175	4,184	1,244	1,580	880	49	429	823	346	1	3	49,206

DAERAH MERAH (30)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Dalat	32	439	32	314	0	264	0	1	0	1	48	49	48
2	Saratok	10	322	10	325	1	283	0	1	0	4	37	50	43
3	Simunjan	0	101	0	59	8	31	0	0	0	1	27	41	41
4	Bau	5	512	5	320	0	257	0	1	0	1	61	70	56
5	Marudi	1	126	1	115	1	70	0	0	0	0	45	45	45
6	Meradong	0	835	0	1228	7	1,075	0	2	0	8	143	78	73
7	Lubok Antu	0	150	0	124	0	51	0	0	0	2	71	72	72
8	Beluru	1	561	1	612	1	523	0	1	0	2	86	80	80
9	Asajaya	0	189	0	157	7	61	0	0	0	0	94	104	95
10	Tanjung Manis	0	186	0	165	3	107	0	0	0	2	56	96	93
11	Tatau	14	308	14	311	27	179	0	1	0	0	131	162	162
12	Julau	2	550	2	563	4	530	0	0	0	4	29	72	68
13	Bukit Mabong	1	616	1	747	6	602	0	0	0	1	144	147	137
14	Betong	1	932	1	760	3	659	0	4	0	1	96	127	126
15	Pusa	1	231	1	225	1	196	0	0	0	0	29	51	48
16	Belaga	0	349	0	352	0	60	0	1	0	0	291	114	110
17	Sri Aman	48	1190	48	1137	11	891	0	0	0	3	243	265	252
18	Pakan	4	518	4	540	3	472	0	2	0	7	59	136	119
19	Kanowit	1	1038	1	1198	7	1,079	0	2	0	7	110	161	161
20	Selangau	6	1015	6	1147	13	964	0	1	0	8	174	308	242
21	Subis	20	918	20	974	10	756	0	0	0	2	216	236	231
22	Mukah	3	1,268	3	1244	23	1,118	0	1	0	4	121	251	251
23	Sankei	66	998	66	890	14	696	0	1	2	9	184	255	235
24	Samarahan	13	1,751	13	1177	39	836	0	1	0	8	332	379	315
25	Serian	8	1,534	8	1328	19	1,202	0	4	0	2	120	140	115
26	Kuching	136	16,177	136	5,973	126	4,396	0	14	0	26	1537	1844	1795
27	Kapit	13	2,886	13	2,678	17	2,198	0	11	1	25	444	424	349
28	Bintulu	61	7,374	61	6,598	41	5,475	0	9	0	43	1,071	931	851
29	Miri	99	6,807	99	5,964	78	4,573	2	19	1	35	1,337	1420	1,279
30	Sibu	38	10,424	38	10,230	87	9,184	0	23	2	99	920	1308	1,117
Jumlah		584	60,305	584	47,455	557	38,788	2	100	6	305	8,256	9,416	8,609

DAERAH JINGGA (3)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		0	605	0	675	0	618	0	1	0	3			
1	Song	0	605	0	675	0	618	0	1	0	3	53	45	30
2	Sebauh	0	277	0	315	6	277	0	1	0	2	35	41	39
3	Kabong	7	57	7	62	3	50	0	0	0	0	12	30	30
Jumlah		7	939	7	1,052	9	945	0	2	0	5	100	116	99

DAERAH KUNING (6)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	1	87	1	68	7	44	0	0	0	0	24	24	12
2	Daro	0	110	0	48	4	45	0	1	0	0	2	17	17
3	Tebedu	0	125	0	125	0	124	0	0	0	0	1	5	4
4	Limbang	2	115	2	81	0	68	0	1	0	1	11	7	2
5	Matu	0	242	0	163	0	147	0	1	0	0	15	14	14
6	Lundu	0	472	0	215	33	197	0	0	0	0	18	17	11
Jumlah		3	1,151	3	700	44	625	0	3	0	1	71	84	60

DAERAH HIJAU (1)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Telang Usan	0	5	0	7	0	7	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		0	5	0	7	0	7	0	0	0	0	0	0	0

Jumlah Besar	594	62,400	594	49,214	610	40,365	2	105	6	311	8,427	9,616	8,768
---------------------	------------	---------------	------------	---------------	------------	---------------	----------	------------	----------	------------	--------------	--------------	--------------

A. Pecahan Kes Baharu Mengikut Daerah

RINGKASAN BILANGAN KES MENGIKUT KATEGORI PENGESANAN

Daerah	Bilangan Kes Baharu	Kategori Kes Mengikut Pengesanan									Bilangan Kes Bergejala
		Kluster aktif sedia ada (Senarai kluster dengan kes baharu)	Saringan Kontak kepada kes positif	Saringan Individu Bergejala	Survelan di fasiliti kesihatan	Lain-lain Saringan	Punca Jangkitan				
							Tempatan	Import A	Import B	Import C	
Kuching	136	Muara Tabuan=6	71	2	0	57	136	0	0	0	2
Miri	99	Jalan Brooke=1	78	4	0	16	99	0	0	0	4
Sarikei	66	Sungai Selangan=66	0	0	0	0	66	0	0	0	0
Bintulu	61	Jalan Coastal Bintulu-Miri=11	42	5	0	3	60	0	1	0	21
Sri Aman	48	0	47	0	0	1	48	0	0	0	0
Sibu	38	0	24	10	0	4	37	0	0	1	10
Dalat	32	0	32	0	0	0	32	0	0	0	0
Subis	20	0	18	1	0	1	20	0	0	0	1
Tatau	14	Sungai Penyarai=4	8	0	0	2	14	0	0	0	0
Kapit	13	0	4	7	0	2	13	0	0	0	7
Samarahan	13	Muara Tabuan=1	11	1	0	0	12	0	0	1	1
Saratok	10	0	9	0	0	1	10	0	0	0	0
Serian	8	Muara Tabuan=4	2	0	0	2	5	0	0	3	0
Kabong	7	Gerigat=7	0	0	0	0	7	0	0	0	0
Selangau	6	0	6	0	0	0	6	0	0	0	0
Bau	5	Muara Tabuan=1	1	0	0	3	3	0	0	2	0
Pakan	4	0	4	0	0	0	4	0	0	0	0
Mukah	3	0	2	1	0	0	3	0	0	0	1
Julau	2	0	2	0	0	0	2	0	0	0	0
Limbang	2	0	1	0	0	1	1	0	1	0	0
Pusa	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0
Kanowit	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0
Bukit Mabong	1	Putai=1	0	0	0	0	1	0	0	0	1
Beluru	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0
Betong	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0
Lawas	1	0	0	0	0	1	0	0	1	0	1
Marudi	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0
JUMLAH	594	102	367	31	0	94	584	0	3	7	49

B. Kluster Yang Masih Aktif

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
1	Kluster Sungai Kawi, Meradong	0	239	0	733	972	46	0
2	Kluster Abak Bon, Subis	0	231	0	229	460	4	1
3	Kluster Jalan Disa, Sibul	0	137	0	199	336	12	0
4	Kluster Ulu Balingian, Selangau	0	106	0	96	202	0	0
5	Kluster Sungai Banus, Selangau	0	47	0	10	57	0	0
6	Kluster Sungai Duan, Mukah	0	313	0	337	650	14	1
7	Kluster Sungai Rian, Meradong	0	63	0	247	310	2	0
8	Kluster Sungai Lemayong, Meradong	0	83	0	296	379	13	0
9	Kluster Blok D Jalan Pending, Kuching	0	54	0	525	579	0	0
10	Kluster Jalan Selirik, Kapit	0	300	0	100	400	61	1
11	Kluster Putai, Bukit Mabong	1	440	0	1,763	2,203	45	0
12	Kluster Rayang, Serian	0	95	0	1,253	1,348	2	0
13	Kluster Sungai Senibung, Julau	0	20	0	273	293	0	0
14	Kluster Sungai Ngungun, Kanowit	0	49	0	36	85	1	0
15	Kluster Melugu, Sri Aman	0	120	7	455	582	16	0
16	Kluster Sains Bakam, Miri	0	28	0	436	464	0	0
17	Kluster Jalan Agama, Miri	0	158	22	700	880	12	0
18	Kluster Sungai Ranan, Kanowit	0	122	0	109	231	4	0
19	Kluster Nanga Tajam, Selangau	0	69	0	70	139	3	0
20	Kluster Long Jegan, Beluru	0	94	0	100	194	2	0
21	Kluster Sungai Nirai, Selangau	0	55	0	25	80	1	1
22	Kluster Sungai Tengah, Bau	0	50	0	132	182	1	0
23	Kluster Sebuok, Sri Aman	0	92	8	120	220	11	0
24	Kluster Mongkos, Tebedu	0	56	0	47	103	0	0
25	Kluster Bungey, Betong	0	40	7	450	497	2	0
26	Kluster Tanjong Kibong, Sibul	0	81	2	37	120	6	0
27	Kluster Jalan Sawit, Sarikei	0	71	0	151	222	4	0
28	Kluster Beladin, Pusa	0	219	175	3,600	3,994	45	0
29	Kluster Jalan Limbang, Miri	0	158	5	380	543	17	1
30	Kluster Penurin, Betong	0	31	0	160	191	1	0

Kenyataan Media JPBN Bil 154/2021

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
31	Kluster Tebedu Mawang, Tebedu	0	50	0	86	136	1	0
32	Kluster Jelalong, Sebauh	0	22	0	176	198	2	0
33	Kluster Jalan Stadium Negeri, Kuching	0	64	6	180	250	9	0
34	Kluster Ulu Anap, Tatau	0	19	0	106	125	2	0
35	Kluster Emperan, Selangau	0	210	1	339	550	29	1
36	Kluster Bako Hilir, Kuching	0	21	0	42	63	0	0
37	Kluster Nanga Skrang, Sri Aman	0	37	0	29	66	4	1
38	Kluster Skim Penempatan Stapok, Kuching	0	32	25	60	117	3	0
39	Kluster Jalan Rubber, Kuching	0	15	0	143	158	5	0
40	Kluster Singgahsana Lodge, Kuching	0	14	0	52	66	0	0
41	Kluster Jalan Lilin, Miri	0	59	11	192	262	15	0
42	Kluster Sungai Rayah, Meradong	0	13	0	37	50	0	0
43	Kluster Kampung Boyan, Kuching	0	37	0	50	87	2	0
44	Kluster Jalan Sultan Tengah, Kuching	0	6	0	21	27	0	0
45	Kluster Stunggang, Lundu	0	10	0	126	136	0	0
46	Kluster Jalan Jambusan, Bau	0	19	5	26	50	0	0
47	Kluster Jelang, Betong	0	25	1	119	145	7	0
48	Kluster Hulu Spaoh, Betong	0	99	20	710	829	35	0
49	Kluster Jalan Endap Sawit, Samarahan	0	40	0	10	50	30	0
50	Kluster Kenyalang Park, Kuching	0	35	0	38	73	14	0
51	Kluster Tebakang, Serian	0	28	3	54	85	0	1
52	Kluster Jalan Simpang Tiga, Kuching	0	53	6	30	89	14	0
53	Kluster Taman Sourabaya Indah, Kuching	0	9	3	22	34	4	0
54	Kluster Jalan Jambatan Gantung, Kuching	0	9	1	15	25	0	0
55	Kluster Sungai Majau, Kanowit	0	26	1	24	51	0	0
56	Kluster Bukit Temedak, Pakan	0	31	9	48	88	1	0
57	Kluster Selumit, Tanjung Manis	0	25	12	80	117	14	0
58	Kluster Jalan Dato Permaisuri, Miri	0	46	7	123	176	29	0
59	Kluster Kampung Semerah Padi, Kuching	0	28	0	82	110	11	0
60	Kluster Jalan Sukma, Kuching	0	11	64	3	78	9	0

Kenyataan Media JPBN Bil 154/2021

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
61	Kluster Akedemi Semariang, Kuching	0	15	40	15	70	0	0
62	Kluster Lubok Nitik, Saratok	0	36	111	0	147	23	0
63	Kluster Tanjung Bundong, Samarahan	0	22	0	19	41	19	0
64	Kluster Tengah Hulu Gedong, Simunjan	0	22	42	90	154	9	0
65	Kluster Sungai Sian, Meradong	0	23	0	34	57	23	0
66	Kluster Gerigat, Kabong	7	30	224	327	581	12	0
67	Kluster Sungai Parik, Sri Aman	0	24	99	7	130	17	0
68	Kluster Jalan Jambusan Sunchar, Bau	0	22	161	60	243	20	0
69	Kluster Jalan Coastal Bintulu-Miri, Bintulu	11	60	379	1,135	1,574	60	0
70	Kluster Muara Tabuan, Kuching	12	238	162	200	600	197	0
71	Kluster Jalan Haji Lampam, Miri	0	23	2	96	121	14	0
72	Kluster Bunut, Mukah	0	30	48	88	166	11	0
73	Kluster Jalan Brooke, Miri	1	16	52	48	116	14	0
74	Kluster Jalan Cattleya, Miri	0	23	36	86	145	17	0
75	Kluster Jalan Pinang Riam, Miri	0	15	8	106	129	9	0
76	Kluster Sungai Penyarai, Tatau	4	31	38	40	109	31	0
77	Kluster Nanga Meruan, Selangau	0	34	0	81	115	25	0
78	Kluster Sungai Selangan, Sarikei	66	101	0	185	286	101	0
JUMLAH		102	5,479	1,803	18,709	25,991	1,167	8

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **360** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **105 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **5,754 orang**. Manakala seramai **110,943 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 03.06.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,693)	Hock Lee	74
2		Grand Dormani	34
3		Kuching Park	97
4		Pullman	203
5		Hilton	250
6		Riverside (Astana Wing)	136
7		Grand Margherita	234
8		Imperial Boulevard	197
9		Tune Hotel	32
10		Dormani Hotel	28
11		Grand Continental	94
12		Meritin	43
13		Longhouse	34
14		Abell	32
15		Lot 10	43
16		Telang Usan	19
17		Imperial Riverbank	47
18		G Star Motel	28
19		Dorset	68
20	Miri (573)	Mega Hotel	40
21		Somerset	47
22		Imperial Palace	49
23		Imperial New Wing	90
24		Paragon	10
25		Meritz	32
26		Miri	29
27		Dynasty	132
28		Kenyalang Suite	6
29		Citi Hotel	16
30		Nova	17
31		Emart Hotel	105

32	Bintulu (2,478)	Utama Inn	41
33		Fairfield by Marriot	175
34		Motel Kapok	82
35		Faber Inn	36
36		AA Inn	30
37		Ambassador	76
38		Kemena Inn	15
39		Green	43
40		Kemena Plaza	192
41		4orty Inn	54
42		Lengkap Inn	63
43		Studio Inn	65
44		Moonstar Inn	15
45		Parkcity Garden	50
46		Kriss Lodge	62
47		Centre Inn	22
48		Welcome Inn	17
49		Parkcity Garden 2	99
50		Lucky 5 Inn	34
51		900 Inn	15
52		New World Suite	61
53		Golden Bay	14
54		Kemena Resort	215
55		Inn 86	49
56		Sunlight Inn	4
57		Hover Hotel	55
58		Royal Hotel	31
59		Ocean Inn	22
60		Best Lodge	16
61		H5 Inn	59
62		DK Value Inn	18
63		Li Hua	116
64		Grand Faber Inn	32
65		JC Mark Hotel	7
66		186 Inn	27
67		Riverfront	67
68		682 Inn	29
69		Sir Inn	37
70		Kintown Inn	70
71		@Thome Inn	23
72		Kemena Residence	33

73		Amigo Hotel	83
74		Living Hotel	5
75		City Inn	22
76		The Inn	79
77		Velton Inn	20
78		Dream World inn	23
79		Raggae Inn	34
80		Public Inn	31
81		Maxi Inn	10
82	Limbang (314)	Purnama	127
83		Mandarin (Lawas)	28
84		Shangsan (Lawas)	69
85		Seri Malaysia (Lawas)	90
86	Sibu (142)	Premier	36
87		Kawan	93
88		Sarawak	2
89		Tower Mas	11
90	Samarahan (156)	INFRA	88
91		Kolej Rafflesia, UNIMAS	59
92		UiTM Samarahan	9
93	Sarikei (97)	Garden Hotel	37
94		Dragon	60
95	Betong (115)	Mega Inn	23
96		Medan Inn	13
97		Victoria Inn	26
98		Asia Inn	24
99		Homestay Betong	15
100		Victoria Inn 2	14
101		Lot 10 Medan	0
102	Serian (61)	Transit Inn	47
103		Ranchan	14
104	Mukah (99)	Kingwood	99
105	Sri Aman (26)	Good View	26
Jumlah PUS			5,754

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **11 lokasi di Sarikei (6), Miri (2), Kuching (1), Samarahan (1) dan Sibü (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **4,841 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 03.06.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	1	1,179
2	Miri	2	946
3	Sarikei	6	558
4	Sibü	1	533
5	Samarahan	1	302
6	Kapit	TIADA	283
7	Bintulu	TIADA	225
8	Serian	TIADA	217
9	Limbang	TIADA	200
10	Betong	TIADA	160
11	Mukah	TIADA	150
12	Sri Aman	TIADA	88
Jumlah Keseluruhan			4,841

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **50 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 03.06.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	4
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	10
4	MCC	27
5	MD Marudi	6
Jumlah		50

5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

(Data sehingga 03.06.2021 @ 3.00 petang)

DAERAH KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Aeon Supermarket	Workplace	21 - 25.05.2021	N/R
AC Circle Logistic	Workplace	21 - 26.05.2021	N/R
		28 - 29.05.2021	
Eyelook, Jalan Rock	Workplace	23 - 25.05.2021	N/R
Pusat Mel, Pending	Workplace	24 - 27.05.2021	N/R
Ngee Huat Hin	Workplace	24 - 28.05.2021	N/R
Mr Dakgalbi, Plaza Merdeka	Workplace	25 - 28.05.2021	N/R
ALOHA Barkery	Workplace	25, 27 & 30.05.2021	N/R
Brands Outlet, Boulevard	Social Activity - Customer	26.05.2021	10.39 am - 11.00 am
Boulevard Mall	Social Activity - Customer	26.05.2021	10.30 am - 12.00 pm
33 Carwash & Detailing	Social Activity - Customer	26.05.2021	4.00 pm - 4.45 pm
Emart, Matang	Social Activity - Customer	26.05.2021	2.30 pm - 3.00 pm
Mr DIY, Vivacity	Social Activity - Customer	28.05.2021	4.00 pm - 4.30 pm
KFC, Rock Road	Eatery	29.05.2021	2.20 pm - 3.00 pm
BS Supermart, Satok	Social Activity - Customer	31.05.2021	3.30 pm - 4.00 pm

DAERAH SERIAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Unaco Power Sdn Bhd Serian	Social Activity - Customer	29.05.2021	5.51 pm - 6.00 pm
Alpro Pharmacy Siburan-No.1, Pasar Siburan	Social Activity - Customer	29.05.2021	5.15 pm - 5.20 pm
KFC Serian Baru	Eatery	29.05.2021	6.11 pm - 6.31 pm

DAERAH SIBU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Star Mega Mall	Social activity - Customer	18.05.2021	6.30 pm - 7.15 pm
Sing Kwong Shopping Complex	Social activity - Customer	20.05.2021	5.03 pm - 5.30 pm
Cut and Curl Image Hair Studio-Jalan Mantis	Social activity - Customer	21.05.2021	11.47 am - 1.30 pm
Pasar Grand Height	Social activity - Customer	21.05.2021	9.08 am - 9.25 am

DAERAH KAPIT

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Kiong Sing General Store	Social activity - Customer	05.05.2021	10.00 am - 11.00 am
Soon Kit Cafe	Eatery	07.05.2021	12.00 pm - 1.00 pm
Hooever Enterprise Co	Social activity - Customer	10.05.2021	10.00 am - 10.30 am

DAERAH BINTULU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Bakery The Chef Pasar	Social Activity - Customer	17.05.2021	4:00 pm - 4:05 pm
Champion Coffee Shop	Eatery	17.05.2021	9:00 am - 9:10 am
Ong Huat Kopitiam	Eatery	17.05.2021	10:30 am - 10:35 am
Eden Foodcourt	Social Activity - Customer	22.05.2021	11:00 am - 11:15 am
Medan Departmental Store	Social Activity - Customer	22.05.2021	10:30 am - 10:45 am
MDS Mart Freshmart	Social Activity - Customer	23.05.2021	9:45 am - 10:00 am

DAERAH MIRI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Tyork Café & Bakery, Jalan Bintulu-Miri	Eatery	20.05.2021	11.50 am - 12.00 pm
Talk Bread, Jalan Dato Permaisuri 5	Social Activity - Customer	23.05.2021	5.40 pm - 5.50 pm
Hot Cross Buns, Jalan Dato Sri Joseph Balan Seling	Social Activity - Customer	24.05.2021	4.40 pm - 4.50 pm
Lambir Auto Spa Car Wash & 4x4 Wash, Jalan Bintulu-Miri	Social Activity - Customer	24.05.2021	8.15 am - 8.25 am
Wei Lian Mini Market, Jalan Aru Tengah	Social Activity - Customer	25.05.2021	3.35 pm - 3.45 pm
Miri Fish Market, Jalan Marina Utama	Social Activity - Customer	25.05.2021	8.35 am - 8.55 am
Pasar Lutong, Jalan Pasar Lutong	Social Activity - Customer	25.05.2021	6.10 am - 6.25 am
Flora Bakery, Jalan Miri By Pass	Social Activity - Customer	26.05.2021	11.40 am - 11.50 am
Smart Shine Car Saloon, Jalan Luak Bay	Social Activity - Customer	26.05.2021	2.50 pm - 3.20 pm
Bestcare Pharmacy, Jalan Sukma	Social Activity - Customer	26.05.2021	11.45 am - 11.55 am